

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1985**

=====

DASAR MENGESPORT BAHAN BATU KE LUAR NEGERI

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 14hb Mei 1983 telah meluluskan dasar mengeksport bahan batu ke luar Negeri. Dasar tersebut adalah seperti berikut:-

- i) Membenarkan dieksport bahan batu ke luar Negeri untuk tujuan ujian.
- ii) Membenarkan dieksport ke luar Negeri bahan batu yang tidak digunakan untuk pembangunan. Bagi maksud ini, amnya bahan-bahan batu yang digunakan untuk pembangunan termasuklah pasir, tanah (earth), tanah merah (laterit), rumput (turf), batu (rock), bata (brick), dan sebagainya. Jika terdapat kemusykilan mengenai jenis bahan batu yang digunakan untuk pembangunan, penentuannya hendaklah dibuat oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor.
- iii) Bahan-bahan batu untuk dieksport itu dikenakan bayaran permit pemindahannya sebanyak 5 kali ganda daripada kadar biasa.

2. Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah adalah dinasihatkan supaya mematuhi keputusan ini. Sebarang perkara berbangkit mengenai jenis bahan batu yang digunakan untuk pembangunan hendaklah dirujuk kepada Pengarah Tanah Dan Galian Selangor. Surat Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 3/1984 adalah dibatalkan.

T.T
(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

BERTARIKH 4HB JUN 1985

PEKELILING INI DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.1/1997